

Umno Labuan bantu calon BN PRK Kimanis

HARI PENGUNDIAN:
18 JANUARI



LABUAN: Umno Bahagian Labuan tidak mahu ketinggalan memberi sokongan moral serta membantu calon BN pada hari penamaan calon PRK Kimanis yang diadakan di Dewan Datuk Seri Panglima Mohd Dun Banir, pada Sabtu.

Ketua Umno Bahagian Labuan, Datuk Bashir Alias mengetuai kepimpinan Umno Bahagian yang berkampung sehari sebelum penamaan calon dan dijangka berterusan sehingga hari pengundian pada 18 Januari depan.

Turut sama untuk membantu calon BN pada PRK Kimanis itu ialah, Pengerusi Tetap Umno Bahagian, Datuk Abdul Rahman Haji Lamudin, Setiausaha Umno Bahagian, Mohd Dzulfaizal Abd. Manan, Ketua Pemuda Umno Bahagian, Musa Basman, Ketua Wanita Umno

Bahagian, Niswati Tarji, Ketua Puteri Umno Bahagian Jura'adhiyah Harun dan beberapa AJK Umno Bahagian serta mantan AJK Umno Bahagian.

PRK Kimanis menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN yang diwakili oleh parti Umno, Datuk Mohamad Alimin 48, yang juga Ketua Umno Bahagian Kimanis untuk mencabar calon dari parti Warisan, Datuk Karim Bujang.

Sementara itu, beberapa pemimpin Umno Bahagian Labuan, menaruh keyakinan yang tinggi terhadap calon BN untuk memenangi PRK Kimanis berdasarkan kepada sentimen rakyat yang kecewa dengan janji-janji Pakatan Harapan pada PRU ke 14 lalu. -Oleh: **JAINUDIN DJIMIN**



Umno Labuan bantu calon BN PRK Kimanis

HARI PENGUNDIAN:
18 JANUARI



LABUAN: Umno Bahagian Labuan tidak mahu ketinggalan memberi sokongan moral serta membantu calon BN pada hari penamaan calon PRK Kimanis yang diadakan di Dewan Datuk Seri Panglima Mohd Dun Banir, pada Sabtu.

Ketua Umno Bahagian Labuan, Datuk Bashir Alias mengetuai kepimpinan Umno Bahagian yang berkampung sehari sebelum penamaan calon dan dijangka berterusan sehingga hari pengundian pada 18 Januari depan.

Turut sama untuk membantu calon BN pada PRK Kimanis itu ialah, Pengerusi Tetap Umno Bahagian, Datuk Abdul Rahman Haji Lamudin, Setiausaha Umno Bahagian, Mohd Dzulfazal Abd. Manan, Ketua Pemuda Umno Bahagian, Musa Basman, Ketua Wanita Umno

Bahagian, Niswati Tarji, Ketua Puteri Umno Bahagian Jura'adhiyah Harun dan beberapa AJK Umno Bahagian serta mantan AJK Umno Bahagian.

PRK Kimanis menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN yang diwakili oleh parti Umno, Datuk Mohamad Alimin 48, yang juga Ketua Umno Bahagian Kimanis untuk mencabar calon dari parti Warisan, Datuk Karim Bujang.

Sementara itu, beberapa pemimpin Umno Bahagian Labuan, menaruh keyakinan yang tinggi terhadap calon BN untuk memenangi PRK Kimanis berdasarkan kepada sentimen rakyat yang kecewa dengan janji-janji Pakatan Harapan pada PRU ke 14 lalu. -Oleh: JAINUDIN DJIMIN



BASHIR (tengah) bersama Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mohd Razlan Rafi (tiga dari kanan) dan ahli-ahli Umno Bahagian Labuan yang membantu calon BN pada hari penamaan calon PRK Kimanis., pada Sabtu.